

SEORANG penduduk menunjukkan timbunan sampah di Taman Ruwiyah, semalam.



FOTO: OWEE AH CHUN

# Sampah setinggi rumah dua tingkat

## ■ Sisa binaan dibuang secara haram bimbangkan penduduk

Oleh Muhammad Yusuf Ghani  
am@metro.com.my

**Gombak**

**L**onggokan sisa bahan binaan setinggi rumah dua tingkat yang dibuang secara haram di Taman Ruwiyah, Sulaiman Jaya di sini semakin membimbangkan penduduk di taman perumahan itu.

Kegiatan itu dikatakan berlaku sejak dua tahun lalu di tanah persendirian di kawasan lapang berhampiran masjid perumahan berkenaan.

Walaupun Majlis Perbandaran Selayang (MPS), pernah mengenakan tindakan kompaun kepada pihak yang melakukan aktiviti pembuangan bahan binaan secara haram itu, tetapi masalah itu masih berterusan sehingga timbunan itu semakin tinggi.

Berikutan itu penduduk mahu pihak berkuasa bertindak lebih tegas kerana selain masalah bau busuk bahan yang dibuang di kawasan itu, mereka juga menghadapi masalah debu dari lori yang mengangkut

sampah ke kawasan tanah berkenaan.

Wakil penduduk, Suhaimi Sulaiman, 35, berkata, setiap hari hampir 100 lori membawa muatan buangan binaan dan sisa domestik kelihatan keluar masuk perumahan berkenaan.

“Bukan saja bimbang dari aspek kebersihan, tetapi penduduk turut bimbang keselamatan Jemaah terutamanya kanak-kanak yang ke masjid kerana jalan sentiasa sibuk dengan kehadiran lori besar,” katanya.

Katanya, buangan itu turut menutup saluran longkang di perumahan itu sehingga tersumbat menyebabkan air bertakung ketika hujan.

“Penduduk pernah membuat aduan mengenai kegiatan haram itu kepada MPS sebelum majlis itu mengeluarkan kompaun terhadap pemilik tanah terbabit.

“Bagaimanapun, pemilik tanah tetap berkeras kepala dan meneruskan kegiatan itu walaupun menyedari tindakannya itu adalah salah,” katanya.

**FAKTA**  
Setiap hari hampir 100 lori membawa muatan buangan binaan dan sisa domestik